

Panduan Kehidupan Perempuan Islam

“Wahai nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman, lalu mereka berikat janji setia (me-bai‘ah) denganmu, bahawa mereka tidak akan sekutukan Allah dengan sesuatu jua pun, dan tidak akan mencuri, dan tidak akan berzina, dan tidak akan membunuh anak-anak mereka, dan tidak akan berdusta yang mereka lakukan di antara tangan dan kaki mereka, dan tidak akan menderhaka kepadamu di dalam perkara-perkara yang baik, maka terimalah janji setia mereka, dan pohonkanlah ampun bagi mereka kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Amat Mengasihani.” (Maksud ayat 12 Surah al-Mumtahanah).

(Oleh: Isma' Tib)

Dengan ayat tersebut di atas, Allah ‘Azzā wa Jallā menyatakan kehidupan jiwa dan amal perbuatan kaum perempuan dalam Islam, dengan menunjukkan garis-garis besarnya di atas dasar yang sesuai dengan fitrah dan sifat-sifat kemanusiaan yang tinggi.

Ayat tersebut mengandungi enam fasal ajaran mengenai panduan kehidupan perempuan Islam, iaitu:

1 Tiada Mempersekutukan Allah

Tuntutan pertama dari kehidupan perempuan dalam Islam, ialah menghapuskan faham syirik dari dalam jiwanya, diganti dengan faham dan kepercayaan tauhid (meng-Esakan Allah).

Kegelapan faham syarak yang menyelimuti alam jiwa dan batin dapat dilenyapkan dengan cahaya tauhid yang dapat memimpin diri ke alam hidup yang luas dan pandangan yang

Kepercayaan mengesakan Allah (tauhid) ialah sendi yang pertama dari syarak agama Islam, dan pokok kepercayaan yang tiada berubah, mulai dari rasul-rasul dan nabi-nabi Allah yang dahulu, sampai kepada Nabi Muḥammad (SAW).

Perbezaan antara syariat-syariat (yang dibawa oleh rasul-rasul dari dahulu hingga Nabi Muḥammad (SAW) sesudah segala nabi dan rasul), hanya kedapatan di dalam cara (susunan) ibadah, dan dalam soal hukum muamalah, dan sunah dari rasul-rasul itu sendiri.

Dari zaman ke zaman, Allah Subḥānahu wa Ta‘āla, sentiasa mengutuskan rasul-rasul-Nya, silih berganti, bagi menegakkan kepercayaan tauhid, membentuk iktikad umat manusia dan memimpin perjalanan akal yang makin sehari makin meningkat tinggi, terutama dalam perkara kepercayaan.

Dengan ulasan yang nyata dan hujah yang terang, rasul-rasul itu datang ketengah-tengah manusia menghadapi alam fikiran umat, serta menyesuaikan kebenaran tauhid dengan akal yang waras.

Kejadian alam yang penuh dengan keajaiban yang menunjukkan kebesaran dan keesaan Allah ‘Azzā wa Jallā.

Pada tiap-tiap tubuh dan pembawaan segala sesuatu, tertulis nyata tanda kebesaran dan keesaan Allah yang wajib difahami dengan sebenar-benarnya.

Kejadian langit dan bumi, matahari dan bintang, manusia dan jin, semuanya seolah-olah huruf besar dari tanda-tanda kebesaran dan keesaan-Nya.

Berpuluh-puluh bahkan beratus-ratus ayat Quran, berisi panduan dan ajaran tauhid, dengan menunjukkan kejadian alam yang penuh dengan keajaiban serta mengandungi tanda keesaan dan kebesaran Allah.

2. Tiada Mencuri

Panduan kedua bagi kehidupan perempuan ialah mengenai tertib dan keamanan pergaulan hidup dan menjauhkan perbuatan yang merosakkan pergaulan, terutamanya perbuatan mencuri.

Bagi membersihkan masyarakat dari perbuatan yang tercela ini, tidak cukup dengan menjaga benda yang zahir sahaja, apabila tiada disertai dengan panduan kepercayaan batin (iman).

3. Tiada Membuat Maksiat

Perbuatan maksiat itu bukan sahaja bertentangan dengan kemanusiaan dan Islam, tetapi juga bertali dengan timbulnya bencana dalam pergaulan hidup. Bahkan menimbulkan akibat yang buruk kepada keturunan dan merosakkan budi pekerti.

Tiap-tiap perbuatan yang dilarang menunjukkan dalam perbuatan itu bencana apabila dikerjakan dan ada

manfaat apabila ditinggalkan.

4. Tiada Membunuh Anak

Perbuatan membunuh anak adalah suatu perbuatan yang bertentangan dengan peri kemanusiaan dan bertentangan dengan muslihat perkembangan manusia di dalam alam ini.

Tiap-tiap yang bernyawa ada rezekinya. Tuhan berkuasa menjadikan makhluk-Nya dan ia jua menjamin akan rezekinya di atas usaha iktihar manusia pula.

5. Tiada Berdusta

Berdusta itu tidak kurang bahayanya kepada umat manusia. Disebabkan berdusta, kebenaran dan keadilan tidak diperhatikan dengan sebenarnya, kerana cahaya pertimbangan pada waktu itu telah diselimuti oleh awan gelap yang tebit dari perbuatan berdusta.

6. Tiada Derhaka Kepada Nabi

Setelah dijelaskan lima panduan mengenai kaum perempuan yang bersangkutan dengan kesucian diri dan jiwa dan bersangkutan paut dengan tertib pergaulan hidup, maka dalam panduan yang keenam ini, Tuhan ‘Azzā wa Jallā memberi panduan supaya perintah-perintah nabi itu ditaati.

Dengan perkataan yang ringkas tetapi tepat dan dalam ertinya, Tuhan mencegah supaya tidak berlaku dalam kalangan kaum perempuan faham menentang usaha kebaikan yang telah diatur oleh Islam.

Dalam pada itu, Islam telah meletakkan kaum perempuan dalam tempatnya yang penuh dengan kehormatan, sebagaimana yang tertera dalam sabda Nabi (SAW) maksudnya:

“Sebaik-baik kamu ialah orang yang baik sekali terhadap isterinya, dan aku ialah yang baik sekalu di antara kamu terhadap isteriku.

“Yang memuliakan perempuan itu hanyalah orang yang mulia, dan yang menghinakan mereka itu hanyalah orang yang hina”